

## **PEMBELAJARAN MELALUI AKTIVITI HANDS-ON DALAM MEMBANTU MURID PRASEKOLAH UNTUK MENINGKATKAN MINAT SERTA TAHAP KEFAHAMAN TERHADAP ISI PEMBELAJARAN YANG DISAMPAIKAN**

Oleh

**Lee Chiong Heng**  
**lcheng\_89@hotmail.com**

### **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk menentukan (melihat) keberkesanan pembelajaran melalui aktiviti hands-on di kelas prasekolah. Kumpulan sasaran ialah dua puluh lima orang murid dari prasekolah B Sk Mulia. Data kajian tersebut dikumpul melalui senarai semak, temu bual dan lembaran kerja. Pengajaran melalui aktiviti hands-on bertujuan untuk menarik perhatian murid untuk belajar dalam kelas serta meningkatkan tahap perfahaman murid terhadap isi pembelajaran yang disampaikan. Fokus kajian adalah untuk melihat perubahan tingkah laku murid serta prestasi murid dalam kelas. Ini bertujuan untuk mengawal serta merancang pengajaran dan pembelajaran dengan lebih berkesan. Masalah yang didapati dalam kelas ini ialah murid kurang memberi perhatian dalam kelas dan ini telah menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran yang sedang berlangsung. Dengan itu, pengajaran menerusi aktiviti hands-on dapat menarik perhatian murid dan murid dapat menumpukan perhatian dalam kelas. Menerusi kajian ini yang dilakukan dengan menggunakan kaedah aktiviti hands-on, saya dapati pelajar dalam kelas dapat menguasai dan memahami isi pembelajaran yang disampaikan dengan lebih mudah.

Kata Kunci : Pembelajaran berdasarkan aktiviti hands-on, peningkatan minat dan kefahaman murid

### **ABSTRACT**

*This study aimed to ascertain the effectiveness of the hands-on activity in the classroom. The subjects of this research consisted of 25 students from the preschool of SK Mulia. The data were gathered using checklists, interviews and worksheets. Teaching by way of hands-on activity can attract students' interests and may allow the students to remember easily what have been taught by their teacher. The focus of the research was to determine behavioral change and students' performance in class. This served to control and to plan teaching and learning to be more effective. The problems that arise in this class were students paid less attention and have affected the process of teaching and learning. Teaching by way of hands-on has drawn attention of students. Through this research, I find that hands-on activity can capture students' attention and the students can understand the content of their lessons favorably*

*Key Words : Hands-on activities, increase children interest and performance*

## **PENGENALAN**

### **Konteks**

Dalam kajian ini, saya telah menumpukan kepada masalah murid tidak berminat semasa pembelajaran dijalankan. Oleh yang demikian, saya telah mengkaji dan memilih satu strategi pembelajaran yang bersesuaian untuk meningkatkan minat serta tahap kefahaman murid dalam kelas. Strategi yang dipilih ialah strategi pembelajaran melalui aktiviti hands-on iaitu para murid menerima isi pembelajaran dalam kelas berasaskan kerja amali yang dijalankan.

### **Refleksi pengalaman pengajaran dan pembelajaran prasekolah**

Pada praktikum yang lepas, saya telah berpeluang untuk mengajar di tiga buah prasekolah yang berbeza di sekolah sekolah tersebut. Dengan pengalaman mengajar semasa praktikum, saya telah memerhati proses pengajaran dan pembelajaran dan telah dapat menguasai serba sedikit tentang teknik mengajar di prasekolah.

Sepanjang praktikum, saya telah mendapati banyak masalah yang timbul semasa melakukan pengajaran dan pembelajaran di kelas. Masalah utama yang dihadapi oleh saya ialah para murid tidak menunjukkan minat dalam aktiviti yang telah dirancangkan oleh saya. Mereka tidak ingin (mahu) untuk mengeluarkan pandangan mereka semasa melakukan sesi perbincangan. Ini mungkin disebabkan oleh sifat kanak-kanak yang masih malu dan tidak ingin menjawab sebarang pertanyaan guru. Selain itu, juga terdapat kanak-kanak yang tidak begitu menumpukan perhatian dalam kelas dan sering mengganggu kawan lain untuk belajar. Ini mungkin disebabkan oleh aktiviti yang dijalankan oleh guru kurang menarik perhatian mereka dan mereka lebih kepada jenis yang hiperaktif dalam kelas. Penggunaan strategi pengajaran amat penting untuk mewujudkan suasana belajar yang baik.

Oleh yang demikian, adalah penting untuk seseorang guru untuk menggunakan pelbagai teknik dan usaha untuk meningkatkan tahap pemahaman tentang isi pembelajaran yang disampaikan serta menarik minat murid untuk belajar dalam kelas.

### **Isu Kajian**

Dari 30 Januari hingga 27 April 2012, saya telah menjalankan praktikum fasa 3 di sekolah SK Mulia (nama samaran). Terdapat empat kelas prasekolah di sekolah tersebut. Saya telah mengajar prasekolah B di sekolah tersebut. Penyelidikan tindakan ini dilaksanakan bagi menanggapi masalah yang dihadapi oleh murid prasekolah.

Dalam tempoh saya menjalani praktikum di sekolah ini, saya telah memahami situasi, isu-isu dan cara kanak-kanak belajar di dalam kelas dari guru prasekolah tersebut. Salah satu masalah paling ketara ialah terdapat sebilangan kanak-kanak tidak menunjukkan minat dalam kelas dan kurang memahami isi pengajaran yang disampaikan.

Saya telah menfokuskan masalah kajian melalui tempoh praktikum ini iaitu sejauh manakah pengaplikasian aktiviti hands-on dalam pendidikan prasekolah dalam meningkatkan minat dan penglibatan murid-murid dalam pembelajaran. Lantaran itu, saya telah melibatkan tindakan penyelidikan ini dengan 25 orang murid dari kelas prasekolah B. Melalui aktiviti hands-on, saya telah mendapati kawalan kelas saya telah meningkat kerana aktiviti yang dijalankan dapat menarik perhatian murid untuk memberi perhatian dalam kelas.

### **Objektif kajian**

Objektif utama dalam kajian ini adalah untuk menyelesaikan masalah kehilangan minat dalam kalangan murid serta meningkatkan tahap pencapaian murid terhadap isi pembelajaran yang disampaikan. Saya telah memilih strategi pembelajaran menggunakan aktiviti hands-on dalam menyelesaikan masalah yang berlaku ini.

### **Persoalan kajian**

1. Adakah pengaplikasian pembelajaran hands-on dapat membantu meningkatkan minat murid-murid dalam pembelajaran?
2. Adakah tahap penglibatan murid-murid prasekolah dalam pembelajaran meningkat apabila guru mengaplikasikan keadah hands-on?
3. Bagaimanakah tahap kefahaman murid-murid terhadap pengajaran guru setelah menjalani pembelajaran secara hands-on?
4. Adakah kaedah pembelajaran secara hands-on dapat membantu saya dalam meningkatkan minat murid untuk belajar dalam kelas?

## **PELAKSANAAN TINDAKAN**

Saya telah melakukan tindakan saya dalam pengajaran dan pembelajaran saya dalam kelas mengikut masalah yang dihadapi oleh murid. Saya telah merancang pembelajaran saya terlebih dahulu supaya kajian saya boleh berjalan dengan lancar.

### **Perancangan tindakan**

Strategi pembelajaran yang akan saya mengaplikasikan untuk mengatasi masalah yang wujud dalam kalangan murid adalah kaedah belajar melalui aktiviti hands-on. Tajuk pembelajaran yang digunakan dalam kajian saya ialah "menenal bentuk". Sebelum menjalankan pembelajaran melalui aktiviti hands-on, saya telah menyediakan satu rancangan pembelajaran yang berkaitan dengan tajuk yang saya telah ajarkan. Objektif pembelajaran yang ditetapkan perlu eksplisit dan boleh diukur. Rasional untuk menyediakan rancangan pembelajaran ini adalah untuk memudahkan penyampaian isi pembelajaran oleh guru dalam kelas lebih lancar. Objektif yang ditetapkan telah dijadikan sebagai panduan untuk menjalankan kajian ini.

### **Tindakan**

Saya telah menjalankan tindakan saya dalam beberapa langkah dan setiap langkah dirancang dan dituliskan dalam rancangan pengajaran saya bagi memudahkan saya menjalankan aktiviti mengenai kajian saya.

### **Permulaan**

Dalam bahagian permulaan, saya akan menunjukkan benda maujud serta gambar berkenaan dengan tajuk yang telah disampaikan dalam kelas. Saya telah menghasilkan gambar dan mencari benda maujud dengan sendiri kerana boleh memilih bentuk mana yang akan diajarkan kepada murid. Rasional untuk menunjukkan gambar dan benda maujud mengenai bentuk kepada murid adalah untuk menarik perhatian para murid dan menyediakan mereka untuk mendengar kepada isi pengajaran yang telah disampaikan oleh guru.

### **Tindakan kedua**

Dalam tindakan ini, saya telah mengaitkan soalan-soalan bagi pengajaran yang telah disampaikan untuk menguji pandangan pertama mereka terhadap isi pembelajaran tersebut. Akan tetapi, dalam pengstrukturkan idea, saya akan menjalankan aktiviti "hands-on" kepada kanak-kanak. Aktiviti hands-on merupakan aktiviti praktik, aktiviti manipulatif dan aktiviti berpusatkan bahan. Oleh itu, saya akan membuat persiapan untuk menghasilkan bahan bantu mengajar serta menyediakan aktiviti yang baik untuk menyampaikan isi pembelajaran kepada kanak-kanak serta melibatkan kanak-kanak dalam aktiviti hands-on.

### **Tindakan ketiga**

Kanak-kanak dikehendaki melakukan aktiviti 'hands-on' secara individu. Saya akan menunjukkan cara membuat doh mengenai bentuk kepada kanak-kanak melalui gambar terlebih dahulu. Kemudian saya telah mendedahkan kanak-kanak dengan objek yang pelbagai jenis bentuk yang terdapat disekeliling mereka. Sebelum itu, murid perlu membuat andaian tentang bentuk yang ditunjukkan. Saya akan mencatat andaian yang dilakukan oleh kanak-kanak.

Selepas itu, aktiviti hands-on akan dijalankan apabila guru memberi arahan permulaan aktiviti. Aktiviti hands-on yang dijalankan ialah membuat doh kepada pelbagai jenis bentuk. Kanak-kanak telah diberi doh secara individu dan dikehendaki membuat doh mengikut arahan penyelidik. Di akhir aktiviti "hands-on", kanak-kanak telah memahami tentang nama bentuk yang terdapat di persekitaran.

Aktiviti "hands-on" boleh dilaksanakan dengan pengumpulan data yang berulang dengan pelaksanaan aktiviti lain. Contohnya saya memberi peluang kanak-kanak untuk mencuba membuat doh lain dengan tema yang berlainan. Dengan itu, kanak-kanak akan lebih berminat serta memperolehi ilmu pengetahuan baru tentang isi pengajaran yang disampaikan. Semasa aktiviti "hands-on" dijalankan, guru boleh memberi penegasan terhadap kanak-kanak yang terdapat kesilapan dalam melakukan aktiviti. Kanak-kanak perlu mengikut peraturan semasa melakukan aktiviti.

### **Tindakan keempat**

Dalam sesi ini, murid-murid membuat lembaran kerja mengenal pelbagai jenis bentuk sebagai pengukuhan pengetahuan mereka terhadap aktiviti "hands-on" yang dilakukan. Penyelidikan juga boleh menjelaskan kegunaan bentuk dalam kehidupan harian kita. Bagi sesi penutupan, kanak-kanak telah diuji dengan kuiz supaya saya

dapat memerhatikan dan mengenalpasti murid yang masih tidak faham dan mempunyai konsepsi yang salah.

### **Tindakan kelima**

Saya telah mencari satu masa yang sesuai untuk menilai kanak-kanak melalui soal selidik dan juga penilaian selepas tindakan bagi membuktikan sama ada keadah "hands-on" berkesan untuk meningkatkan kefahaman murid terhadap isi pembelajaran yang disampaikan.

Aktiviti-aktiviti hands-on yang dijalankan adalah berpandukan aspek-aspek dan tunjang-tunjang yang terdapat dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK). Oleh itu, saya telah membandingkan keputusan penyelidikan yang diperolehi dari kanak-kanak sebelum dan selepas mengaplikasikan kaedah "hands-on" untuk menentukan sama ada kaedah yang digunakan berjaya atau sebaliknya dalam meningkatkan minat serta kefahaman kanak-kanak tentang tajuk tersebut.

## **METODOLOGI**

Pada bahagian metodologi, saya akan menerangkan tentang peserta kajian saya serta etika kajian saya. Saya juga menerangkan tentang teknik pengumpulan data kajian saya.

### **Peserta kajian**

Saya telah memilih murid dari prasekolah B dari sekolah Mulia sebagai sasaran untuk kajian saya. Kumpulan sasaran ini terdiri daripada 25 orang murid. Terdapat 13 orang murid lelaki dan 12 orang murid perempuan dalam kelas ini. Prestasi kelas ini adalah sederhana dan tidak mempunyai ciri-ciri unik yang lain. Saya memilih prasekolah ini adalah kerana prasekolah B merupakan prasekolah yang diajar oleh saya sepanjang tempoh praktikum fasa ketiga. Ini dapat memudahkan saya untuk melakukan penyelidikan ke atas kanak-kanak yang didapati mempunyai masalah. Tambahan pula, murid dalam kelas tersebut kurang menunjukkan minat dalam kelas dan tidak dapat memahami isi pembelajaran guru yang disampaikan oleh guru. Masalah tersebut perlu diatasi dan saya telah menjalankan aktiviti hands-on untuk melihat sejauh mana keadah ini dapat membantu murid dalam kels tersebut untuk menunjukkan minat dan meningkatkan kefahaman murid dalam kels. Oleh itu, melalui penilaian serta pemerhatian dari kajian, saya dapat mengenal pasti minat murid serta tahap perfahaman murid terhadap isi pembelajaran yang disampaikan melalui aktiviti hands-on yang dijalankan.

### **Etika penyelidikan**

Sebelum saya menjalankan kajian tindakan ini, saya telah menghasilkan satu kertas cadangan untuk memohon kebenaran dari pihak sekolah untuk menjalankan kajian tersebut. Permohonan ini adalah bertujuan sebagai satu pemberitahuan kepada pihak sekolah supaya tidak mengganggu aktiviti harian di prasekolah tersebut. Selain itu, saya juga meminta kebenaran dari murid prasekolah untuk menjalankan kajian tindakan ini kerana mereka jugag harus dideahkan tentang objektif kajian serta memastikan mereka mengetahui dan memahami tentang kajian penyelidikan yang dijalankan.

## **TEKNIK PENGUMPULAN DATA**

### **Pemerhatian**

Pemerhatian adalah proses penilaian guru secara aktif. Guru memerhati, membuat interpretasi dan menilai aspek-aspek yang diperhatikan. Melalui pemerhatian, penilaian dapat dijalankan ke atas proses dan hasil kerja kanak-kanak. Saya telah menggunakan teknik pemerhatian untuk memerhati tingkah laku murid dalam kelas sama ada mereka menunjukkan minat terhadap pengajaran yang disampaikan oleh cikgu. Selain itu, saya juga menyediakan senarai semak untuk memudahkan pemerhatian saya terhadap murid.

### **Temu bual**

Saya juga mengumpul data menggunakan kaedah temu bual. Dalam proses menjalankan kaedah temu bual ini, saya telah memberi peluang kepada murid untuk menyatakan idea serta pandangan mereka tentang cara pembelajaran melalui aktiviti hands-on. Saya telah mencatat seluruh kandungan temu bual dengan murid tersebut dan mencari isi-isi yang penting untuk dijadikan data bagi kajian tindakan saya.

### **Hasil kerja murid**

Saya juga menggunakan lembaran kerja untuk melihat sejauh manakah aktiviti hands-on dapat membantu kanak-kanak menunjukkan minat serta mengingati isi pembelajaran yang disampaikan. Lembaran kerja disediakan dalam dua set. Satu set dibagikan dahulu kepada murid sebelum mereka didedahkan kepada aktiviti hands-on dan satu set lagi dibagikan kepada murid selepas mereka didedahkan kepada aktiviti hands-on. Dengan ini, saya boleh melihat keberkesanan pengaplikasian aktiviti hands-on dalam menyampaikan isi pembelajaran yang ingin disampaikan serta meningkatkan minat murid untuk belajar.

### **Analisis data**

Saya telah menganalisis data kajian saya melalui beberapa jenis cara pengumpulan antaranya ialah melalui senarai semak iaitu pemerhatian, temu bual dengan murid dan melalui lembaran kerja.

### **Analisis pemerhatian (senarai semak)**

Bedasarkan senarai semak yang telah disediakan untuk tujuan pemerhatian, saya mendapati bahawa terdapat perubahan yang jelas di kalangan murid. Sikap dan tingkah laku murid telah berubah menjadi lebih aktif dan menunjukkan minat dalam pembelajaran sekiranya dibandingkan dengan pengajaran yang lepas.

Apabila pembelajaran melalui aktiviti hands-on dijalankan, murid lebih menumpukan perhatian kepada isi pelajaran yang disampaikan oleh guru. Mereka juga menunjukkan minat serta tidak membuat bising ketika berada dalam kelas.

Selain itu, sifat murid juga berubah menjadi lebih aktif dan perasaan ingin tahu murid meningkat. Murid-murid juga bertanya soalan mengenai apa yang akan dipelajari mereka. Minat dan semangat pembelajaran murid meningkat melalui aktiviti yang dijalankan. Perubahan lain yang saya dapat kesan ialah murid tidak

menunjukkan wajah yang kurang berminat terhadap isi pembelajaran. Murid menumpukkan sepenuh perhatian dalam kelas serta mematuhi semua arahan dari guru.

**Senarai semak pemerhatian selepas pengaplikasian aktiviti hands-on.**

Aspek yang dinilai	Tahap pencapaian			Cacatan
	B	S	M	
Minat kanak-kanak terhadap pengajaran guru			●	
Penglibatan kanak-kanak dalam pembelajaran			●	
Kefahaman kanak-kanak terhadap topic yang diajarkan.		●		
Kreativiti kanak-kanak dalam melakukan aktiviti			●	
Tingkah laku positif yang dipamerkan oleh kanak-kanak sepanjang pembelajaran.			●	

Catatan: Tahap pencapaian kanak-kanak

B = baik

S = Sederhana

M = Memuaskan

## **Analisis temu bual**

### **Contoh temul bual dengan salah seorang murid.**

Cikgu : Adakah anda faham tentang apa yang diajarkan oleh cikgu?

Murid: Faham, cikgu.

Cikgu : Adakah kamu mahu cikgu mengajar menggunakan aktiviti?

Murid : Mahu, cikgu.

Melalui temu bual dengan murid, saya mendapati pembelajaran melalui aktiviti hands-on berjaya menarik minat murid dan meningkatkan tahap kefahaman mereka. Murid-murid prasekolah telah berupaya mengenal bahan pengajaran yang disampaikan oleh guru. Temu bual dijalankan ke atas tiga orang murid prasekolah yang lebih bersifat pendiam dalam kelas. Ketiga-tiga murid berjaya memahami apa yang disampaikan oleh guru. Mereka mempunyai minat terhadap pembelajaran melalui aktiviti hands-on yang diajarkan dalam kelas selain itu, kawalan kelas juga menjadi bagus dimana murid yang lebih aktif telah menumpukan perhatian kepada pengajaran dan pembelajaran guru kerana mereka ingin mengetahui tentang aktiviti yang hendak dilakukannya. Bagi murid yang pendiam, mereka telah menunjukkan minat dan sanggup mencuba untuk melakukan aktiviti.

### **Analisis hasil kerja murid**


Kaedah yang telah saya gunakan untuk menjawab soalan kajian ini adalah melalui lembaran kerja. Lembaran kerja yang saya sediakan dalam kajian ini adalah dibahagikan kepada dua set. Set pertama dibagikan kepada murid sebelum pengaplikasian kaedah aktiviti hands-on pada pembelajaran. Murid dikehendaki untuk menyiapkan lembaran kerja yang dibagikan pada masa yang ditetapkan. Tahap kesukaran tentang lembaran kerja ini adalah sama bagi kedua-dua set. Set kedua lembaran kerja akan dibagikan kepada murid selepas murid didedahkan dengan pembelajaran melalui aktiviti hands-on. Sistem penilaian lembaran kerja adalah berasaskan pemberian bintang kepada murid. Murid yang boleh mendapat semua soalan betul akan mendapat lima bintang, manakala murid yang dapat menguasai lebih dari separuh isi pembelajaran akan mendapat tiga bintang. Murid yang mendapat kurang dari separuh akan mendapat dua bintang sahaja dan satu bintang ialah untuk murid yang belum menguasai isi pembelajaran melalui lembaran kerja. Pemberian bintang ini merupakan penilaian terhadap murid sebelum dan selepas mengaplikasikan keadah hands-on terhadap pembelajaran untuk memudahkan saya dalam menilai kemajuan dan perkembangan murid. Tahap perfahaman murid terhadap isi pembelajaran adalah seperti yang ditunjukkan di graf di bawah.



### Analisis graf

Graf di bawah menunjukkan bil bintang yang diperolehi oleh murid sebelum dan semasa mengaplikasikan aktiviti hands-on dalam pembelajaran. Dalam rajah tersebut, jelas menunjukkan bahawa murid-murid telah mencapai peningkatan selepas aktiviti hands-on dijalankan.

Semua murid mencapai peningkatan dalam kerja melalui lembaran kerja selepas pembelajaran aktiviti hands-on. Terdapat lima orang murid yang telah menguasai pembelajaran, empat belas orang murid yang telah menguasai dan enam orang murid yang belum dapat menguasai isi pembelajaran yang disampaikan. Jika dibandingkan dengan sebelas orang yang belum menguasai serta empat belas orang murid yang langsung tidak menguasai isi pembelajaran yang disampaikan, kaedah ini memang sesuai untuk membantu kanak-kanak dalam mengingati apa yang disampaikan oleh guru.



Rajah 1 menunjukkan keputusan sebelum dan selepas pengaplikasian strategi hands-on.

### DAPATAN KAJIAN

Melalui data yang dikumpul sebelum dan selepas mengaplikasikan aktiviti hands-on dalam kelas, murid-murid telah menunjukkan peningkatan minat untuk memberi perhatian dalam kelas serta kefahaman mengenai tajuk yang disampaikan telah meningkat. Aktiviti yang dijalankan menarik minat kanak-kanak untuk mendengar dan kanak-kanak senang memahami apa yang ingin disampaikan oleh guru. Melalui pengajaran aktiviti hands-on, murid akan mengetahui tentang ciri yang

terdapat pada sesuatu benda dan senang difahami oleh mereka. Oleh itu, aktiviti yang dijalankan dapat menarik minat serta tahap kefahaman murid dalam kelas.

## **REFLEKSI**

### **Refleksi dapatan kajian**

Saya telah menggunakan pelbagai jenis kaedah untuk mengumpul dapatan dalam kajian penyelidikan ini. Antaranya adalah termasuk pemerhatian, temu bual dan lembaran kerja. Dapatan kajian yang telah saya memperolehi dalam kajian ini adalah dibahagikan kepada dua jenis iaitu data kualitatif. Jenis data ini digunakan untuk menjelaskan hubungan antara pencapaian sasaran dengan pembelajaran aktiviti hands-on yang dijalankan. Saya telah mengumpul data kualitatif daripada kaedah lembaran kerja yang dijalankan di antara murid. Lembaran kerja ini dibahagikan kepada sebelum dan selepas aktiviti hands-on dijalankan. Penilaian yang diperolehi oleh murid dibandingkan untuk mengesan peningkatan yang terdapat pada para murid selepas pembelajaran melalui aktiviti hands-on digunakan. Pada pendapat saya, kelebihan data kualitatif adalah ia mudah digunakan untuk menunjukkan perbezaan di antara pencapaian murid semasa dan sebelum kaedah hands-on dijalankan. Berdasarkan perbandingan penilaian yang telah saya mengumpul dalam kedua-dua lembaran kerja, peningkatan para murid dalam pencapaian dapat dikesan dengan mudah. Di samping itu, saya juga mengumpul data kualitatif menerusi pemerhatian dan temu bual. Saya telah menggunakan senarai semak untuk memudahkan pemerhatian saya. Menerusi kaedah pemerhatian, saya dapat mengesan perubahan minat murid terhadap isi pembelajaran. Selain itu, melalui dapatan kajian saya, saya telah mendapati bahawa persoalan saya mengenai aktiviti hands-on memang dapat meningkatkan minat murid serta tahap kefahaman murid mengenai isi pembelajaran yang disampaikan dalam kelas.

### **Refleksi penilaian tindakan**

Selepas kajian penyelidikan ini dijalankan, saya mendapati bahawa banyak perkara yang telah saya mengalami menerusi kajian ini. Pada mulanya, saya telah memilih tajuk ini sebagai kajian penyelidikan adalah disebabkan cara pembelajaran ini adalah lebih menarik dan berkesan dalam mengajar para murid.

Saya telah memilih kaedah pembelajaran ini berdasarkan pengalaman mengajar saya dalam fasa praktikum yang lepas. Sepanjang tempoh praktikum, saya telah mengesan bahawa terdapat masalah kurang minat dalam kelas di kalangan murid. Pada mulanya, mereka akan menumpukan segala perhatian kepada guru, tetapi selepas seketika mereka mulai hilang minat untuk belajar. Oleh yang sedemikian, saya telah memilih dan melaksanakan satu strategi pembelajaran untuk menyelesaikan masalah tersebut. Walaubagaimanapun, saya sedar bahawa masalah pembelajaran ini bukan mudah untuk diselesaikan dalam tempoh masa yang pendek. Saya telah mencari maklumat yang berkaitan dengan masalah tersebut daripada pelbagai jenis sumber.

Menurut Zahari (1992) , Jika guru dapat menimbulkan minat murid yang diajar serta menimbulkan minat murid untuk belajar, maka pembelajaran yang disampaikan akan menjamin mutu pembelajaran dan meningkatkan pencapaian murid. Oleh itu,

aktiviti hands-on dapat membantu murid membina minat terhadap isi pembelajaran yang disampaikan.

Selain daripada itu, pembelajaran aktiviti hands-on boleh memudahkan para murid mengenali tentang ciri-ciri bentuk. Bahan-bahan yang boleh dinampak dan diamalkan oleh murid sudah tentu akan membolehkan para murid untuk memahami dengan lebih mudah. Sasaran utama dalam kajian saya adalah murid-murid prasekolah yang masih berumur 5/6 tahun. Mereka masih belum mencapai kemahiran berfikir dan menganalisis pada tahap yang tinggi, maka pembelajaran melalui aktiviti hands-on adalah lebih bersesuaian kepada mereka.

Kajian penyelidikan yang telah saya menjalankan adalah untuk mengesan tentang penggunaan pembelajaran melalui aktiviti hands-on dalam menyelesaikan masalah pembelajaran yang wujud pada kalangan para murid. Pada pendapat saya, kajian ini telah dijalankan dengan lancar dan saya berupaya untuk mengutip data yang boleh membuktikan kebaikan penggunaan pembelajaran melalui aktiviti hands-on.

### **Refleksi sendiri**

Menerusi kajian penyelidikan ini, saya telah menambah banyak ilmu pengetahuan baru. Pada mulanya, saya mempelajari tentang langkah-langkah yang betul tentang perancangan kajian penyelidikan. Semua perancangan yang dihasilkan adalah berdasarkan masalah yang didapati dalam kelas prasekolah. Pengesanan masalah dalam kelas juga merupakan satu pengetahuan baru kepada saya supaya saya senang memperhatikan masalah yang terdapat dalam kelas semasa saya mengajar di sekolah nanti.

Kita sebagai seorang pendidik mesti peka terhadap isu atau masalah yang berlaku di kalangan murid. Seseorang guru tidak boleh mementingkan diri sendiri dan mengabaikan keperluan murid-murid. Guru perlu mempunyai pengetahuan yang mencukupi dalam mengesan masalah pembelajaran yang wujud pada kalangan murid dan seterusnya merancang penyelesaian terhadap masalah tersebut.

### **Cadangan penambahbaikan dan tindakan susulan**

Pada pendapat saya, sekiranya saya mendapat peluang untuk melakukan kajian tindakan sebegini lagi, saya akan memperbaiki dari pelbagai aspek. Saya akan cuba untuk mencari maklumat yang secukupnya untuk tajuk kajian saya supaya saya tidak melakukan sebarang kesilapan dalam merancang langkah untuk menjalankan kajian saya. Saya akan mengkaji lebih banyak jurnal serta kajian yang dihasilkan oleh pengkaji sebelum itu untuk menjadikan rujukan kepada saya.

Di samping itu, saya berharap masa untuk kajian ini dapat diperbanyakkan. Saya telah mengkaji kajian ini lebih kurang menggunakan masa dua bulan dan tempoh masa ini adalah singkat untuk mengkaji bilangan murid yang seramai 25 orang murid. Saya berharap tempoh masa untuk kajian ini dapat ditingkatkan menjadi lebih lama untuk menunjukkan keputusan kajian yang lebih tepat.

Selain itu, pembelajaran melalui aktiviti hands-on juga dapat meningkatkan kemahiran kognitif yang sedia ada dan mampu meningkatkan kemahiran kepada peringkat yang lebih tinggi. Saya juga berasa pembelajaran yang menggunakan

aktiviti hands-on perlu seiring dan selaras dengan pembangunan teknologi yang sedang berkembang pesat pada masa kini. Jika pembelajaran tidak selari bersama teknologi, kita juga akan digelar sebagai ketinggalan zaman kerana tidak mengikut arus pemodenan pada masa kini.

Secara keseluruhannya, pembelajaran yang menggunakan aktiviti hands on adalah lebih berkesan dan mempunyai ingatan jangka masa yang lama kerana melibatkan pengalaman seseorang.

## RUJUKAN

Ahmad Rizal Madar. (2006). *Kajian tentang Kesan Penggunaan Koswr Terhadap Tahap Pencapaian Pelajar Bedasarkan Gaya Kognitif Field Independence-dependence*.

*Aktiviti hands on untuk kanak-kanak*. (n.d.). Diperoleh 17 June, 2012 dari <http://kelasprasekolah.blogspot.com/2011/04/aktiviti-hands-on-untuk-kanak-kanak.html>

Definisi aktiviti *Hands-on*. (n.d.). Diperoleh 17 June, 2012 dari <http://www.scribd.com/doc/87798076/Definisi-Aktiviti-Hands>

Henry Ellington & Phil Race. (1994). *Producing Teaching Materials*. London: Nicholas Publishing Company.

*PEMBELAJARAN SECARA HANDS ON*. (n.d.). Diperoleh 18 June, 2012 dari <http://onitsukahana.blogspot.com/2011/05/pembelajaran-secara-hands-on.html>

*PERKEMBANGAN KREATIVITI DAN PEMBELAJARAN KANAK-KANAK*. (n.d.). Diperoleh 18 June, 2012 dari <http://cikguani.blogspot.com/2010/06/teori-jean-piaget.html>

Prof. madya Dr. Azizi Yahaya Syazwani Binti Abdul Razak. *Hubungan antara Gaya Pembelajaran dengan Pencapaian Mata Pelajaran*. Diperoleh pada 12 Mac, 2012, dari <http://eprints.utm.my/6059/1/aziziyahwani.pdf>

Siti Hafiqah. (2006). *Gaya Pembelajaran yang Unik*. Diperoleh Mac 4, 2012 dari <http://sukosenseipedg.blogspot.com/2009/03/gaya-pembelajaran.html>

Thomas J. Pfaff, Aaron Weinberg, Ithaca College (2009). *Do Hands-On Activities Increase Student Understanding? : A Case Study*. Diperoleh Mac, 2, 2012 dari [www.amstat.org/publications/jse/v17n3/pfaff.pdf](http://www.amstat.org/publications/jse/v17n3/pfaff.pdf)

Wan Siti Fatimah binti Wan Ab Rahman (2005). *Pengalaman Pembelajaran Secara "Hands-On Di Kalangan Pelajar KUiTTHO*. Diperoleh Mac, 2, 2012 dari [ps.uthm.edu.my/.../459-pengalaman-pembelajaran](http://ps.uthm.edu.my/.../459-pengalaman-pembelajaran)